

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : MUKA DEPAN

RUANGAN : NASIONAL

# Remaja umur bawah 17 tahun, calon SPM tidak diberi vaksin

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Shah Alam: Putrajaya:** Vaksin COVID-19 tidak akan diberikan kepada remaja berusia 17 tahun ke bawah, termasuk calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dalam satu kenyataan berkata, ia bagi

mengelakkan risiko kes myocarditis dan pericarditis (radang jantung) selepas remaja pada usia itu mengambil dos kedua suntikan vaksin COVID-19 seperti yang berlaku di Amerika Syarikat.

Kenyataan itu menyebut, ketika ini, pemberian vaksin hanya kepada remaja yang mencapai usia 18 tahun, termasuk pelajar

tahun peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Vaksinasi bagi golongan ini akan diteruskan mengikut jadual dan janji temu yang ditetapkan menerusi MySejahtera.

Perikarditis adalah radang yang berlaku pada lapisan tipis jantung, manakala miokarditis

adalah peradangan yang terjadi pada otot jantung.

Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat baru-baru ini mengeluarkan amaran dalam garis panduan suntikan vaksin Pfizer dan Moderna yang menunjukkan risiko berkaitan radang jantung.

Ini terutamanya selepas dos kedua suntikan vaksin berke-

naan dan gejala timbul beberapa hari selepas divaksin.

Pada 11 Jun lalu, lebih daripada 1,200 kes myocarditis atau pericarditis dilaporkan ke Sistem Pelaporan Vaksin Amerika Syarikat (VAERS) daripada sekitar 300 juta dos vaksin mRNA yang telah diberikan.

Nasional 2 +

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

# Akur SOP 'senjata' remaja bawah 17 hadapi wabak

**Dari Muka 1**

Kes berkenaan lebih tinggi di kesan pada lelaki di bawah umur 30 tahun selepas menerima dos kedua vaksin.

Menurut kenyataan CITEF: "Untuk makluman, buat masa ini kerajaan bersetuju tidak memberikan vaksin COVID-19 kepada remaja berusia 17 tahun ke ba-

wah termasuk calon SPM bagi mengelakkan sebarang risiko kes myocarditis dan pericarditis (radang jantung) seperti kajian di Amerika Syarikat," katanya.

Bagaimanapun, usaha sedang dilakukan untuk mempergiatkan vaksinasi dalam kalangan guru, kakitangan sekolah dan staf sokongan sekolah sebagai persediaan pembukaan sekolah kelak.

"Pelaksanaan ini dipantau secara bersama oleh Pejabat Pendidikan dan Jabatan Kesihatan pada peringkat negeri serta daerah," katanya.

Menurut CITEF, ketika ini Kementerian Kesihatan (KKM) juga sedang memuktamadkan garis panduan klinikal pemberian vaksin Pfizer kepada kumpulan remaja yang mempunyai masalah kesihatan kronik dan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19.

Berikutan itu, ia akan membuat makluman lanjut selepas tarikh pelaksanaan vaksinasi bagi golongan ini diputuskan kelak.

Sementara itu, CITEF berkata, pendaftaran bagi kumpulan remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun sudah dibuka menerusi MySejahtera, namun tiada janji temu diberikan kepada mereka buat masa sekarang.

"Sistem MySejahtera akan terus menerima pendaftaran vaksinasi untuk remaja supaya ia boleh digunakan pada masa depan apabila sebarang keputusan dibuat berkenaannya.

"Ketika ini, keutamaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah kepada usaha melengkapkan Fasa 2 dan memantapkan pelaksanaan Fasa 3 di seluruh negara termasuk Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang, berikutan peningkatan kes harian di kawasan pusat penularan pandemik CO-

VID-19," katanya.

April lalu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, dilaporkan berkata kerajaan sedia pertimbang pemberian vaksin COVID-19 kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun selepas menerima data ujian klinikal syarikat farmasutikal, Pfizer.

Katanya, Pfizer dijangka menghantar maklumat ujian klinikal dijalankan syarikat itu membatik penerima dalam kalangan individu usia terbabit kepada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (FDA).

Sementara itu, pakar kesihatan awam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata amalan pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal, kebersihan sendiri termasuk mencuci tangan dengan sabun atau cecair nyah kuman masih lagi menjadi senjata untuk remaja dan kanak-kanak bawah usia 17 tahun buat masa ini.

"Tidak ada cara lain selain perlu mematuhi SOP. Mereka perlu memakai pelitup muka dan menjaga jarak selagi tidak ada vaksin untuk mereka.

"Ibu bapa dan penjaga perlu pastikan pemakanan kanak-kanak dan remaja sentiasa dijaga dengan mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang untuk kesihatan tubuh badan," katanya.

Pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman juga berpendapat pematuhan SOP dan menjalani saringan jika ada pendedahan terhadap mereka yang sudah dijangkiti perlu menjadi amalan remaja.

"Sama seperti yang disyorkan sebelum ini, amalkan pengambilan makanan seimbang dan gaya hidup sihat seperti bersenam dan kekal aktif.

"Mereka dan ahli keluarga yang duduk serumah juga perlu sentiasa menjaga SOP apabila berada di luar iaitu dengan hanya membuka pelitup muka jika perlu.

"Jagalah SOP sehingga vaksin dibenarkan untuk kumpulan umur mereka," katanya.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini menunjukkan 82,341 jangkitan COVID-19 direkodkan dalam kalangan kanak-kanak sepanjang tempoh antara 25 Januari 2020 hingga 30 Mei lalu, termasuk 19,851 yang berusia kurang lima tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, dilaporkan berkata, peratusan tertinggi membabitkan kanak-kanak berusia 13 hingga kurang 18 tahun (33.27 peratus) yang berkemungkinan disebabkan golongan itu lebih banyak bergerak dan menjalani aktiviti luar.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Anak kematian ibu bapa akibat wabak dibantu

## Kerajaan minta senaraikan waris alami nasib sama permudahkan bantuan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Beruntung:** Kerajaan sedia membantu mereka yang berdepan kesulitan selepas kematian ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 agar masa depan lebih terjamin dan tidak tercipir dalam menerima bantuan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan sedar ramai hilang tempat bergantung dan mencari jalan untuk meneruskan kelangsungan hidup.

"Saya minta kalau ada kes kematian ibu bapa sehingga berlaku kesusahan kepada anak mereka yang masih kecil atau ibu atau bapa yang me-

nanggung keluarga, tapi meninggal salah seorangnya, senaraikan mereka supaya kita boleh bantu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat dan menyerahkan bantuan kepada lapan beradik yang menjadi yatim piatu sekelip mata selepas kedua-dua ibu bapa meninggal dunia dalam tempoh berselang tiga hari akibat COVID-19.

Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, bersama tujuh adiknya yang berumur antara 18 hingga empat tahun, kini dijaga ibu saudara mereka di sini, semalam.

Ketua keluarga itu, Benyajeed Bernie, 45, meninggal dunia 16 Julai lalu, manakala ibu mereka, Noraini Ibrahim, 43, pula pada 18 Julai.

Hadir sama dalam lawatan itu ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri berkata, beliau sudah berbincang dengan Dr Adham untuk mendapatkan maklumat mengenai kejadian menimpa lapan beradik berkenaan, selain Kementerian Kesihatan (KKM) mendapatkan senarai me-



Ismail Sabri menyampaikan sumbangan kepada Nazurah Nabilah yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19 di Bukit Beruntung, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

reka yang mengalami nasib sama supaya dibantu.

Katanya, nasib dilalui ahli keluarga berkenaan banyak ditempuhi individu lain sejak pandemik melanda negara lebih setahun lalu.

"Apa yang berlaku hari ini adalah salah satu insiden yang terjadi di banyak tempat. Sebab itu, saya minta Dr Adham untuk dapatkan maklumat mengenai kejadian yang sama.

"Banyak kes sebegini diuar-uarkan warga netizen yang begitu prihatin (dengan nasib ditimpa mereka). Mungkin ada lagi di tempat lain yang tidak diviral dan kita kena bantu juga," katanya.

Menyentuh bantuan kepada lapan beradik itu, beliau berkata,

selain bantuan sejumlah RM5,000 dari Tabung COVID-19, mereka juga akan menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"JKM berikan bantuan adik-beradik ini untuk berusia tujuh tahun ke atas RM150 sebulan, bagi enam tahun ke bawah RM200 sebulan. Jumlah keseluruhan RM950 sebulan dari JKMs. Bakul makanan dan tabung kecemasan juga sebanyak RM950 secara 'one-off'.

"Saya juga akan jumpa Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan kerana ibunya ada caruman PERKESO, jadi kita akan tengok apa yang boleh bantu untuk mempercepatkan proses," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri juga

memaklumkan, kerajaan akan memastikan pembelajaran dan pendidikan lapan beradik berkenaan terbelas.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan menyalurkan bantuan RM500 setiap seorang.

Lembaga Zakat Selangor juga menyumbang pembayaran sewa rumah RM650 sebulan, barang makanan, bantuan kewangan 'one off' RM650 dan bantuan pendidikan.

"Kementerian Pertahanan juga setuju mengambil semua lapan beradik ini sebagai anak angkat dan kita akan tanggung pendidikan mereka sehingga berusia 18 tahun," katanya.

## Kelonggaran bagi pasangan jarak jauh diperhalusi



Petugas kesihatan memberi suntikan vaksin kepada penerima dalam Trak Vaksin Bergerak di Kampung Baru, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Dari Muka 1

"Justeru, saya sering membawa isu ini dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya kelonggaran bertemu keluarga dapat dipertimbangkan bagi mereka yang sudah lengkap menerima dua dos vaksin.

"Insya-Allah, kerajaan sedang memperhalusi cadangan ini bagi membolehkan pasangan dan keluarga jarak jauh disatukan semula," kata beliau melalui Facebooknya, semalam.

Kelmarin, Ismail Sabri memaklumkan, kajian untuk memberikan kelonggaran kepada individu yang melengkapkan suntikan imunisasi COVID-19 akan dibuat bersandarkan beberapa faktor:

1. merangkumi model pelaksa-

naan yang digunakan negara jiran dan fakta sains, selain keseimbangan diutarakan pelbagai pakar kesihatan.

"Sebarang keputusan yang dimuktamadkan Jawatankuasa Teknikal MKN berhubung perkara itu akan dibuat secara menyeluruh bagi mengelak risiko penularan jangkitan pada masa depan, katanya.

Sehingga kelmarin, jumlah pemberian vaksin COVID-19 di negara ini kini mencapai 15,517,866 dos suntikan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba menerusi Twitter rasminya menyebut, jumlah individu yang sudah lengkap dua dos vaksin adalah seramai 4,932,981 iaitu 15.1 peratus daripada penduduk negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Antiviral baricitinib mempercepat tempoh pulih

Kajian pakar buktikan ubat kurangkan radang elak jadi lebih teruk

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ubat antiviral baricitinib berupaya mempercepat tempoh pemulihan pesakit COVID-19 dan menangani risiko radang paru-paru. Pakar farmasi Universiti Ke-

bangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Farida Hanim Islahudin, menjelaskan ubat berkenaan pada asalnya digunakan untuk merawat radang sendi atau rheumatoid.

Namun katanya, kajian pelbagai pakar membuktikan fungsi ubat berkenaan boleh digunakan dalam kalangan individu dijangkiti COVID-19.

"Apabila seseorang dijangkiti virus, tindak balas sistem pertahanan badan akan mula diaktifkan, sekali gus menyebabkan keradangan.

"Radang boleh mengundang risiko negatif kepada badan, termasuk menyerang organ penting sehingga menyebabkan paru-paru atau calar seperti di paru-paru.

"Fungsi baricitinib pula untuk kurangkan radang supaya keadaan kesihatan pesakit COVID-19 tidak menjadi semakin teruk atau bertukar ke kategori 3 hingga 5," katanya kepada *BH*, semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, kelmarin dilaporkan berkata, formulasi ubat baharu digunakan untuk menangani keadaan kesihatan pesakit COVID-19 menjadi lebih teruk.

Pemberian ubat dengan dos sekitar dua hingga empat miligram itu dikatakan mampu mengurangkan risiko pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2, menjadi kategori 3 hingga 5.

Pesakit kategori 1 ialah mereka yang positif tetapi tidak mem-

punyai sebarang gejala, manakala kategori 2 merujuk kepada individu bergejala ringan.

Kategori 3 ialah tahap radang paru-paru mula dialami pesakit tetapi tidak memerlukan oksigen, berbanding kategori 4, manakala kategori 5 meliputi individu yang memerlukan bantuan alat pernafasan.

Farida Hanim berkata, pemberian mengikut dos dan peman-tauan ketat oleh petugas perubatan bertujuan untuk mengelak sebarang kesan sampingan berikutan pengambilan baricitinib.

"Jika seseorang itu mempunyai fungsi buah pinggang yang lemah atau menghidap komorbiditi, dos rendah iaitu dua mi-

Fungsi baricitinib pula untuk kurangkan radang supaya keadaan kesihatan pesakit COVID-19 tidak menjadi semakin teruk atau bertukar ke kategori 3 hingga 5

Dr Farida Hanim Islahudin, Pakar farmasi UKM



ligram akan diberikan.

"Secara keseluruhan, penggunaan baricitinib mampu meng-hindari risiko pesakit terpaksa bergantung kepada bantuan pernafasan dan oksigen, sekali gus mengurangkan tekanan atau bebanan di unit rawatan rapi (ICU) ketika ini," katanya.

## 15 peratus penduduk sudah terima 2 dos vaksin

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 15 peratus penduduk negara ini sudah menerima dua dos vaksin setakat kelmarin.

Berdasarkan jumlah keseluruhan itu, sebanyak 10,584,885 menerima dos pertama, manakala 4,932,981 menerima dos kedua.

Mengikut pembahagian negeri, Lembah Klang iaitu Kuala Lumpur dan Selangor mendahului jumlah pemberian vaksin dengan 5,679,875 dos, diikuti Sarawak (2,617,359 dos) dan Johor (1,144,562 dos).

Perbandingan antara kadar pemberian vaksin dengan jumlah populasi dewasa pula menyaksikan Wilayah Persekutuan Labuan kini berada pada tahap 63 peratus, disusuli Sarawak (49.4 peratus), Perlis (36.5 peratus),

Lembah Klang (22.7 peratus), Negeri Sembilan (21.8 peratus) dan Melaka (19.3 peratus).

Kadar pemberian vaksin di negara ini juga mencatatkan perangkaan kedua tertinggi kelmarin, iaitu 446,052 dos dalam tempoh 24 jam.

Jumlah inokulasi tertinggi yang pernah direkodkan sebelum ini ialah pada 15 Julai lalu, membabitkan 460,158 dos.

Perangkaan kelmarin, sekali gus menyaksikan lonjakan semula pada kadar inokulasi biasa, sebanyak 48.9 peratus berbanding 299,593 dos direkodkan, kelmarin, susulan cuti umum Aidiladha.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV), menjelaskan 282,980 penerima vaksin terdiri daripada dos per-

tama, manakala 163,072 ialah dos kedua.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dilaksanakan pada 23 Februari lalu, sebanyak 15,517,866 dos vaksin diberikan kepada penerima yang layak.

Sementara itu, Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata Fasa Dua Program Vaksinasi Industri Pembinaan (CIVac) akan bermula 5 Ogos ini.

Katanya, ia membabitkan 55,000 pekerja binaan, masing-masing 30,000 di Pulau Pinang dan 25,000 di Johor dengan pendaftaran bagi fasa dua program itu dibuka pada 12 Julai lalu.

"Tarikh pemberian vaksin bagi Johor dan Pulau Pinang akan bermula pada 5 Ogos sehingga 15 September ini," katanya.

Fadillah berkata, pendaftaran Program CIVac juga dijadual dibuka di Pahang pada 25 Julai ini untuk 20,000 pekerja binaan, manakala di Sabah, pendaftaran akan dibuka pada 31 Julai ini untuk 20,000 pekerja binaan.

"Sehingga kelmarin, seramai 24,106 pekerja iaitu 60.26 peratus daripada jumlah pekerja sudah berdaftar dengan program CIVac, menerima dos pertama vaksin masing-masing," katanya.

Beliau berkata, Kementerian memohon peruntukan vaksin tambahan daripada Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) untuk 300,000 pekerja binaan.

"Ini termasuk vaksin tambahan untuk 65,000 pekerja binaan di Kuala Lumpur dan 30,000 di Selangor. Penambahan kuota vak-

sin akan terus dimohon berdasarkan permintaan semasa oleh industri pembinaan," katanya.

Sementara itu, Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) untuk memberikan suntikan imunisasi COVID-19 secara bergerak kepada penduduk kampung yang mempunyai masalah kesihatan dan berdepan kesukaran ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV), bermula semalam di Pulau Pinang.

Sekretariat Pengurusan Bencana Daerah Seberang Perai Tengah merangkap Penyelaras program berkenaan, Kapten (PA) Mohd Fadhil Fahmi Zaini, berkata buat permulaan MOVAK diadakan di dua lokasi daerah Seberang Perai Tengah sebelum ia diperluaskan di daerah lain.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Peningkatan kes di Kedah berpunca kontak rapat ingkar SOP

**Alor Setar:** Sebahagian besar peningkatan kes COVID-19 di Kedah kebelakangan ini berpunca daripada kontak rapat berikutan kurangnya pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata kes merebak terlalu cepat dalam kalangan komuniti apabila ada individu yang positif pulang ke rumah atau kampung sebelum menjangkiti ahli keluarga dan orang terdekat.

"Selepas itu mereka pergi bekerja seperti kes di Kilang yang sebenarnya bermula daripada komuniti dan kembali menjangkiti komuniti.

"Kes negeri ini turut meningkat kerana saringan bersasar di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kuala Muda dengan kebanyakan individu disaring positif COVID-19," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Kedah mencatat 800 kes baharu COVID-19 dengan dua daerah merekodkan kes tertinggi iaitu 238 di Kuala Muda dan 290 di Kulim.

Daripada jumlah itu, Dr Mohd Hayati berkata 779 kes adalah jangkitan tempatan, 10 import B; lapan import C dan tiga adalah kes dalam tahanan.

Katanya, kebanyakan mereka yang positif adalah kategori satu dan dua serta diarah menjalani kuarantin di rumah.

Mengenai dakwaan katil di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Sungai Petani dan Hospital Kulim penuh, beliau berkata, penambahan akan dilakukan termasuk di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC).

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Othman Warjo, berkata bilangan kes positif COVID-19 di Kedah meningkat sejak seminggu terakhir ini.

Katanya, majoriti kes positif adalah dalam kalangan kontak rapat, diikuti saringan bergejala, kluster dan tempat kerja.

"Berdasarkan senario ini, kami mengandaikan amalan norma baharu belum dihayati secukupnya.

"Ada kluster baharu berpunca daripada majlis atau kenduri keluarga dan anak cucu pulang melawat ibu bapa yang kurang sihat," katanya ketika dihubungi.

Penularan COVID-19

# Kes positif terus berlegar lingkungan lima angka

13,034 jangkitan baharu, 134 kematian dilaporkan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Angka jangkitan positif COVID-19 terus berlegar dalam lingkungan lima angka dengan 13,034 kes dilaporkan semalam, membawa jumlah kes kumulatif kes di negara ini kepada 964,918 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 1.6 peratus pesakit yang dikesan semalam berada dalam kategori tiga hingga lima iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

Daripada peratusan dinyatakan, katanya, sebanyak 124 kes atau satu peratus berada dalam kategori tiga (radang paru-paru) manakala 72 kes atau 0.5 peratus dalam kategori empat yang me-

merlukan bantuan oksigen.

"Baki 13 kes atau 0.1 peratus berada dalam kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 12,825 kes lain berada dalam kategori satu dan dua atau tidak mempunyai gejala teruk.

"Sebanyak 7,179 kes atau 66.1 peratus berada dalam kategori satu iaitu tanpa gejala dan 5,646 kes lagi (43.3 peratus) dalam kategori dua dengan mempunyai gejala ringan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, semua negeri mencatat pertamba-

han kes baharu dengan Selangor kekal teratas dengan 6,049 kes.

Katanya, ia diikuti Kuala Lumpur dengan 1,611 kes, Johor (791), Negeri Sembilan (711), Kedah (701), Sarawak (644), Sabah (497), Terengganu (391), Pulau Pinang (371), Melaka (353), Perak (284), Pahang (261) dan Kelantan (240).

"Putrajaya merekodkan 100 kes baharu, Labuan (24) dan Perlis (enam).

"Sehingga kini, sejumlah 142,051 kes aktif dengan kebanyakannya COVID-19 di negara ini.

"Daripada jumlah itu, 938 kes dirawat di unit rawatan rapi

(ICU) dengan 459 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, 134 kes kematian dilaporkan dan menjadikan angka keseluruhan kepada 7,574 kes.

Katanya, kes kematian semalam membabitkan 119 warganegara Malaysia dan 15 adalah warga asing.

"Jumlah kes kematian teramai ialah di Selangor dengan 39 orang, diikuti Kuala Lumpur (32), Negeri Sembilan (18), Johor (15), masing-masing tujuh di Perak dan Melaka, Pahang (lima), Kedah (empat), masing-masing dua di Pulau Pinang dan Labuan serta satu di Sabah.

Mengenai 32 kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 21 kes membabitkan tempat kerja, tujuh dalam kalangan komuniti dan masing-masing dua kes di institusi pendidikan dan kumpulan berisiko tinggi.

Dr Noor Hisham berkata, setakat jam 12 tengah hari semalam, 7 8,436 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 ialah 815,293 kes.

1.6 peratus pesakit yang dikesan semalam berada dalam kategori tiga hingga lima iaitu mengalami radang paru-paru, memerlukan bantuan oksigen serta kritikal

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

## Seorang petugas kesihatan maut, tiga pengsan

**Port Dickson:** Seorang petugas Klinik Kesihatan Kampung Sawah, Bukit Pelandok maut, manakala tiga lagi tidak sedarkan diri sebaik tiba Hospital Port Dickson (HPD) dengan ambulans, semalam.

Ketua Polis Daerah Port Dickson, Superintendan Aidi Sham Mohamed, berkata hasil siasatan awal polis mendapati, mangsa yang maut mengadu sakit dada dan secara tiba-tiba rebah ketika bertugas di klinik terbabit kira-kira jam 9 pagi.

Katanya, mangsa kemudian dibawa menaiki ambulans dan dihantar ke HPD dengan diiringi seorang pegawai perubatan serta dua pembantu perubatan.

"Sebaik tiba di HPD, mangsa disahkan meninggal, manakala tiga petugas kesihatan yang mengiringi mangsa dibawa ke Unit Kecemasan untuk rawatan kerana didapati tidak sedarkan diri.

"Setakat ini, ketiga-tiga mang-

sa sudah sedar dan berada dalam keadaan stabil, namun masih menerima rawatan di wad HPD.

"Punca sebenar kejadian masih belum dikenal pasti dan bomba masih menjalankan siasatan lanjut terhadap ambulans yang dinaiki mereka," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aidi Sham berkata, siasatan ke atas mangsa yang maut diklasifikasikan sebagai mati mengejut dan hasil ujian saringan mengesahkan mangsa bebas jangkitan COVID-19.

"Bedah siasat akan dijalankan untuk menentukan punca kematian mangsa," katanya.

Sementara itu, Pakar Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Negeri Sembilan, Timbalan Penguasa Bomba, Mohamad Idris, berkata siasatan masih dijalankan bagi mengetahui punca kematian petugas kesihatan terbabit dan tiga lagi tidak sedarkan diri ketika dalam ambulans.



HAZMAT membuat pemeriksaan pada ambulans yang dinaiki petugas Klinik Kesihatan Kampung Sawah, Bukit Pelandok, semalam.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

Beliau berkata, bomba pada awalnya menerima maklumat berlaku kebocoran gas di klinik kesihatan itu pada jam 9.30 pagi.

"Seramai 35 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson dan HAZMAT ke lokasi untuk membuat pemeriksaan, namun tiada kesan berlaku kebocoran gas," katanya.

Beliau berkata, punca kejadian masih dalam siasatan, namun pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku kebocoran gas di dalam ambulans.

"Kejadian sama dilaporkan turut berlaku semalam (kelmarin) apabila seorang petugas kesihatan yang menaiki ambulans sama didapati pengsan," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

# Purata 40 mangsa babitkan orang tua meninggal dunia dalam tempoh sehari di HTAR **Warga emas belum vaksin ramai maut**



Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Golongan warga emas khususnya yang masih belum menerima vaksin menjadi mangsa korban paling tinggi khususnya di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini.

Pengarah HTAR, Dr. Zulkarnain Mohd. Rawi berkata, secara purata sebanyak 30 hingga 40 kematian direkodkan melibatkan golongan tersebut yang menerima rawatan di hospital itu.

Katanya, rata-rata mereka adalah pesakit Covid-19 kategori empat dan lima yang memerlukan bantuan pernafasan sebelum meninggal dunia.

"Secara purata seramai 30 hingga 40 pesakit dalam kalangan warga emas meninggal dunia sehari akibat Covid-19. Jumlah itu tinggi, namun operasi di HTAR masih dalam keadaan terkawal."

"Semalam (kemarin) sahaja, 33 kematian direkodkan di HTAR daripada 199 kematian di seluruh negara," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan jumlah spesifik pesakit Covid-19 yang kini dalam rawatan di HTAR.

Ujarnya, sumbangan kematian itu disebabkan varian Delta yang semakin menular ditambah mereka yang meninggal dunia ini belum menerima vaksinasi yang dijalankan kerajaan.

Menurut Dr. Zulkarnain, sekiranya vaksinasi diterima, ia dapat meminimumkan simptom atau gejala sekiranya dijangkiti Covid-19.

"Penyimpanan mayat ketika ini mencukupi dengan dua buah kontena peti sejuk sedia ada di HTAR."

"Kita turut menerima (petugas kesihatan) mobilisasi dari Perlis dan Perak yang kebanyakannya adalah jururawat. Selain itu, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) turut membantu dalam membawa mayat dari wad kecemasan ke bilik mayat dan kontena tersebut," katanya.

Mengulas lanjut, Zulkarnain berkata, proses pengeluaran mayat terutama beragama Islam untuk proses pengebumian berjalan lancar dengan bantuan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) selain pengkhususan dua tanah perkuburan sebelum ini.

"Bagi mereka yang berasal dari Shah Alam akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, manakala jenazah

dari Klang akan disemadikan di Tanah Perkuburan Selat Klang.

"Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) turut menempatkan Inspektor Kanan di tanah-tanah perkuburan tersebut untuk memantau proses pengebumian dan prosedur lain," jelasnya.

Sementara itu, Bahagian Pengurusan Operasi Ibu Pejabat APM, Kapt. (PA) M. Rageshwaran berkata, bantuan tersebut dilaksanakan bermula semalam dengan keanggotaan seramai 16 orang dalam tempoh 24 jam.

"Anggota-anggota itu adalah dari unit di Ibu Pejabat APM, akademi latihan APM dan Pusat Latihan Wilayah Selatan di Johor dan Melaka yang telah lengkap dua dos vaksin mereka sebelum ini."

"Perbincangan bantuan telah dilakukan dengan pihak HTAR minggu lalu sebelum penugasan dilakukan bermula hari ini (semalam)."

"Kita membantu dalam mengambil mayat dan urusan penyimpanan mayat selain membantu pegawai kesihatan memeriksa butir tag peribadi mayat-mayat itu bagi memudahkan urusan pengeluaran mayat dan pengebumian," katanya.

SEORANG petugas mengusung jenazah Covid-19 untuk penyimpanan di kontena peti sejuk di pekarangan Jabatan Forensik HTAR, Klang baru-baru ini.

## Jangkitan harian 13,034, negara hampiri angka 1 juta kes

**PUTRAJAYA** – Negara kembali merekodkan kes harian melepasi 13,000 dengan 13,034 kes- iaitu kedua tertinggi direkodkan setakat ini.

Kali pertama kes melebihi angka tersebut pada 15 Julai lalu dengan 13,215 kes sekali gus tertinggi dilaporkan sejak pandemik Covid-19 melanda negara.

Dengan pertambahan tersebut menjadikan jangkitan akibat Covid-19 dalam negara menghampiri angkat satu juta kes dengan jumlah keseluruhan kes setakat semalam sebanyak 964,918 kes.

Dalam masa sama, Selangor yang menyumbang kes Covid-19 tertinggi di seluruh negara, pertama kali merekodkan angka melebihi 6,000 dengan 6,049 kes iaitu peningkatan 499 kes berbanding hari sebelumnya.

Ia kemudian diikuti oleh Kuala Lumpur sebanyak 1,611 kes dan Johor sebanyak 791 kes.

Kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 juga terus meningkat setiap hari sebanyak 142,051 kes termasuk 938 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 459 kes memerlukan bantuan pernafasan.



ANGGOTA tentera sedang memasang kawat duri di sekitar Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi, Klang kelmarin berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Terdapat 134 kes kematian dicatatkan termasuk 15 warga asing melibatkan 81 lelaki dan 53 wanita serta 22 kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead dengan jumlah kes kematian Covid-19 sebanyak 7,574 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-

lah berkata, sebanyak 13 kes (0.1 peratus) daripada kes semalam adalah kategori lima (kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan), manakala 72 kes (0.5 peratus) kategori empat (radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen).

"Selain itu, 124 kes (1.0 peratus) kategori tiga (radang paru-paru), 5,646 kes (43.3 peratus)

### COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	13,034
Import:	25
Tempatan:	13,009
Pulih	8,436
Kematian	134
Masih dirawat	142,051
Jumlah kes sembuh	815,293
Jumlah Kematian	7,574
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>964,918</b>

kategori dua (bergejala ringan) serta 7,179 kes (55.1 peratus) kategori satu (tidak bergejala).

"Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal mereka semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada di antara mereka kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih

rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ujar beliau, secara keseluruhannya, hanya 1.6 peratus kes yang dilaporkan semalam berada pada kategori tiga hingga lima dan 98.4 peratus kes berada pada kategori satu dan dua iaitu pada mula didiagnosis.

Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 32 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 21 kluster tempat kerja, tujuh kluster komuniti serta masing-masing dua kluster insituisi pendidikan swasta berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan dan kluster kumpulan berisiko tinggi.

Sementara itu, katanya, data kebolehhangkitan kelmarin menunjukkan, nilai RT Malaysia sebanyak 1.09 dengan negeri yang mencatatkan nilai RT tertinggi adalah Terengganu (RT 1.31).

"Negeri-negeri lain yang mencatatkan RT melebihi 1.0 adalah Kedah (RT 1.25), Sabah (RT 1.21), Pulau Pinang (RT 1.21), Johor (RT 1.20), Pahang (RT 1.19), Putrajaya (RT 1.18), Kelantan (RT 1.18) dan Selangor (RT 1.15)," tambah beliau.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

# 134 nyawa lagi diragut virus

Bilangan jangkitan baharu Covid-19 semalam sebanyak 13,034, jumlah kumulatif kes 964,918

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**B**ilangan kes baharu Covid-19 menunjukkan peningkatan semalam apabila merekodkan 13,034 kes berbanding 11,985 kes dicatatkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes wabak itu di negara ini sebanyak 964,918 kes dan 142,051 kes aktif.

Menurutnya, 7,179 kes atau 66.1 peratus adalah pesakit kategori satu iaitu tiada gejala dan 5,646 kes atau 43.3 peratus kategori dua yang bergejala ringan.

"Manakala 124 kes adalah

pesakit kategori tiga yang mengalami radang paru-paru, kategori empat iaitu radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen (72 kes) dan kategori lima iaitu kritikal dan memerlukan bantuan pernafasan (13 kes). Secara keseluruhannya, hanya 1.6 peratus kes yang dilaporkan semalam berada pada kategori tiga hingga lima dan 98.4 peratus kes ber-

ada pada kategori satu dan dua iaitu pada mula didiagnosa," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ambil pendekatan bagi kes kategori satu dan dua yang berisiko rendah dan ada kediaman yang sesuai untuk di kuarantin atau isolasi di rumah.

Katanya, seramai 938 pesakit dirawat di Unit Rawa-

tan Rapi (ICU) dengan 459 memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Sebanyak 134 kes kematian membabitkan 119 warganegara dan 15 bukan warganegara menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah 7,574 kes."

"Negara turut merekodkan 8,436 kes sembuh hari ini, sekali gus menjadikan

jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 815,293 kes atau 84.5 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

Beliau berkata, Selangor kekal menjadi negeri mencatat kes harian paling tinggi iaitu 6,049 kes diikuti Kuala Lumpur merekodkan 1,611 kes; Johor (791); Negeri Sembilan (711); Kedah (701); Sarawak (644); Sabah (497) dan Terengganu, 391 kes.

## Lapan beradik jadi anak angkat Boustead

**Hulu Selangor:** Kerajaan akan menyalurkan bantuan bagi kes individu yang kematian ibu bapa akibat jangkitan Covid-19 supaya masa depan mereka terjamin dan tidak tercicir dalam menerima bantuan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau sudah berbincang dengan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba untuk mendapatkan maklumat mengenai kejadian sama menimpa lapan adik beradik kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

Menurutnya, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mendapatkan senarai mereka yang mengalami nasib sama supaya dapat dibantu.

"Saya ucap terima kasih kepada netizen yang melular kes ini. Mungkin di tempat lain pun ada tetapi tidak ditularkan.

"Jadi saya dah minta Dr Adham kalau ada kes sama kematian ibu bapa sehingga berlaku kesusahan pada anak mereka atau salah seorang ibu atau bapa yang hilang punca pendapatan, kita akan dibantu.

"Kita akan mendapatkan senarai itu supaya tidak akan ada yang terlepas menerima bantuan kerajaan," katanya selepas melawat dan menyerahkan bantuan kepada lapan beradik menjadi yatim piatu sekelip mata selepas kedua-dua ibu bapa mereka meninggal dunia akibat Covid-19.

Anak mangsa, Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, bersama tujuh adiknya berumur antara empat tahun hingga 18 tahun kini dijaga ibu saudara mereka di Bukit Beruntung di sini.



**Kalau ada kes sama kematian ibu bapa sehingga berlaku kesusahan pada anak mereka atau salah seorang ibu atau bapa yang hilang punca pendapatan, kita akan dibantu"**

**Ismail Sabri**

Sebelum ini bapa lapan beradik itu, Benyajeed Bernie, 45, meninggal dunia pada 16 Julai manakala ibu mereka, Noraini Ibrahim, 43, pula meninggal dunia pada 18 Julai lalu.

Ismail Sabri berkata, lapan adik beradik itu akan dijadikan anak angkat syarikat Boustead iaitu anak syarikat Kementerian Pertahanan yang akan menanggung pendidikan mereka dan keperluan lain sehingga berusia 18 tahun.

"Bantuan lain disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu RM150 sebulan bagi anak mangsa berusia tujuh tahun ke atas dan RM200 sebulan bagi anak arwah berusia enam tahun ke bawah.

"Lembaga Zakat Selangor juga akan membayar sewa rumah mereka sebanyak RM650 setiap bulan dan bantuan lain seperti bakul makanan bantuan kewangan secara one-off RM650 dan bantuan tabung Covid-19 sebanyak RM5,000," katanya.

Beliau berkata, anak sulung mangsa yang belajar di Politeknik Mersing, Johor akan dipindahkan ke Politeknik di sini supaya dekat dengan adik-adiknya.



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : COVID-19

## covid-19

### Sabah bakal terima lebih sejuta dos vaksin

**Kota Kinabalu:** Sabah dijadual menerima lebih 1 juta dos vaksin Covid-19 untuk bulan ini (Julai), kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Masidi Manjun. Beliau yang juga jurucakap rasmi kerajaan Sabah berkenaan Covid-19 berkata, untuk bulan ini Sabah sudah menerima 747,980 dos vaksin itu setakat ini termasuk penghantaran terbaharu 152,100 dos yang sudah sampai ke sini, petang kelmarin. Masidi berkata mengikut jadual penghantaran Sabah

akan menerima 30,000 dos vaksin Covid-19 pada 23 Julai dan satu lagi bekalan vaksin dalam kuantiti yang besar iaitu 308,880 dos dijangka sampai pada Rabu depan, 28 Julai. "Kita mengharapkan tidak ada lagi gangguan ke atas penghantaran bekalan vaksin bagi bulan Ogos dan seterusnya, ini akan membolehkan kita meningkatkan kadar vaksinasi bagi penduduk Sabah," katanya dalam satu kenyataan, semalam. Pada 8 Julai lalu, Ketua Menteri Datuk Hajiji Noor


dilaporkan sebagai berkata, Sabah dijangka menerima 2.2 juta dos vaksin Covid-19 pada bulan ini dan awal bulan depan (Ogos) bagi melancarkan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).



### 4,932,981 individu lengkap dua dos

**Kuala Lumpur:** Jumlah pemberian vaksin Covid-19 kini 15,517,866 dos suntikan di seluruh negara setakat kelmarin, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba. Menerusi perkongsian di Twitter, beliau memaklumkan sebanyak 446,052 dos vaksin diberikan hingga 11.59 malam kelmarin, merangkumi 282,980 individu menerima suntikan pertama manakala

163,072 penerima dos kedua. "Perkembangan baharu itu menjadikan jumlah terkini individu lengkap dua dos vaksin sebanyak 4,932,981 iaitu 15.1 peratus, populasi rakyat negara ini," katanya. Labuan kekal negeri mencatatkan peratusan penduduk dewasa lengkap dua dos vaksinasi tertinggi dengan 68 peratus, diikuti Sarawak (49.4%), Perlis (36.5%) dan Lembah Klang (22.7%).



**Kuala Lumpur**

Bermula perlahan, namun kini program vaksinasi Malaysia semakin rancak sehingga mampu mencapai dan melepasi sasaran harian, khususnya pada minggu-minggu kebelakangan ini, sekali gus meletakkan negara ini sebagai antara yang mempunyai kadar pemvaksinan terpentas.

Di sebalik pencapaian itu, ada hakikat yang perlu ditelan, iaitu masih ada kelompok yang belum divaksinasi disebabkan kekangan akses selain mereka yang keberatan untuk divaksinasi dan kumpulan yang menentang pemvaksinan.

Pelbagai langkah sudah dilaksanakan untuk menambah baik akses penduduk kepada vaksin dan berdasarkan petunjuk semasa, negara ini berkemungkinan mencapai sasaran 40 peratus penduduk dewasa lengkap dos vaksin menjelang akhir Ogos. Justeru, yang perlu ditangani kini cuma mereka yang keberatan divaksinasi.

Menurut pakar, cara terbaik untuk menangani kelompok itu ialah dengan memanfaatkan sepenuhnya peluang yang terhidang sekarang, ketika rata-rata penduduk bersemangat untuk divaksinasi, dengan meyakinkan golongan yang masih berbelah bagi tersebut agar setuju disuntik vaksin.

Suasana sekarang juga amat jauh berbeza dengan keadaan kira-kira dua bulan lalu.

Pada awal Mei lalu, bekalan vaksin yang diperolehi tidak mencukupi dan secara purata, hanya sekitar 15,000 dos dapat diberikan sehari. Ramai belum diberikan tarikh janji temu sekalipun Fasa Tiga Program Imuni-

# Vaksinasi makin rancak

**Pelbagai penambahbaikan dalam program pelalian mampu capai sasaran 40 peratus penduduk dewasa lengkap dos vaksin menjelang akhir Ogos**



SEBAHAGIAN warga emas yang hadir di Sultan Ahmad Shah Medical Centre @IUM (SASMEC @IUM) untuk mendapatkan suntikan vaksin. - Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

sasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) yang meliputi semua peringkat usia yang layak sepatutnya telah bermula. Kini, bekalan vaksin stabil dengan penghantaran vaksin Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca tiba di negara ini dalam selang masa yang tetap.

Pada hari-hari kebelakangan ini, Malaysia menyaksikan pemberian melebihi 400,000 dos sehari dan setakat 15 Julai lalu, negara ini merekodkan pemberian 1.22 dos bagi setiap 100 penduduk, iaitu kedua tertinggi selepas Ecuador bagi kategori Pendapatan Sederhana Tinggi.

Menurut *Our World in Data*, Malaysia merekodkan kadar tertinggi dos yang diberikan dalam tempoh seminggu di rantau Asia Tenggara.

Pada 16 Julai lalu, Malaysia merupakan negara ketiga paling tinggi kadar pemvaksinan, menyusuli Singapura dan Kemboja, dengan 4.3 juta atau 13.2 peratus daripada populasi telah menerima dos lengkap.

Pada masa sama, Malaysia terus menambah baik akses kepada vaksin.

Antara yang dilaksanakan ialah membuka pusat pemberian vaksin (PPV) mega yang mampu mengagihkan vaksin kepada ribuan penerima saban hari di hampir semua negeri, PPV pandu lalu, unit bergerak untuk pusat jajaan warga emas dan perkhidmatan vaksinasi dari rumah

ke rumah bagi golongan tertular serta kurang upaya.

Keputusan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 untuk membenarkan penduduk tidak berdaftar mendapatkan vaksin secara walk-in di semua PPV di

Kuala Lumpur dan Selangor - warga emas bermula 17 Julai dan lain-lain usia bermula 1 Ogos - merobohkan satu lagi tembok yang menghalang pemvaksinan.

Pakar perubatan dan kesihatan awam yang menyambut baik keputusan itu, berkata langkah berkenaan akan membantu ramai penduduk yang tidak dapat mendaftar disebabkan

tidak tahu cara, tiada akses Internet atau berstatus penduduk tidak sah, menerima suntikan vaksin.

"(Penggunaan) MySejahtera mencekutkan keresahan dalam kalangan warga emas. Ramai yang barangkali tidak mendaftar atas faktor itu kerana mereka sudah terbiasa dengan 'terus datang' untuk dapatkan apa yang mereka mahu," kata Prof Dr Tan Maw Pin, perunding geriatrik di Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM).

Beliau serta beberapa pakar lain yang bersetuju kaedah walk-in amat sesuai bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman, menggesa kerajaan agar tidak mengambil masa yang lama untuk memperluas inisiatif itu ke seluruh negara.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin sebelum ini dilaporkan berkata pemvaksinan secara walk-in berkemungkinan dilaksanakan di seluruh negara selepas semua yang berdaftar untuk vaksinasi telah menerima dos pertama mereka menjelang akhir Ogos ini.

Pakar kesihatan awam Prof Madya Dr Rafdzah Ahmad Zaki daripada Pusat Perubatan UM pula berkata semua pihak berkepentingan harus mengambil peluang daripada momentum semasa untuk meyakinkan mereka yang waswas tentang keselamatan vaksin dengan menekankan kepentingan vaksinasi.

"Kebanyakan (yang keberatan) merupakan mereka yang berada 'di atas pagar'. Mereka tidak pasti, mereka bukan anti-vaksin, namun mungkin tidak begitu memahami maklumat yang diterima," katanya.

"Jika kita tidak gunakan peluang yang ada sekarang untuk yakinkan mereka, golongan ini mungkin akan menolak terus vaksinasi," tambahnya.

Di sebalik pencapaian membanggakan dalam aspek vaksinasi, Malaysia mencatat rekod baharu dalam kes harian Covid-19 apabila melaporkan jumlah jangkitan baharu lima angka sejak 13 Julai lalu. Paling membimbangkan, sebahagian jangkitan melibatkan varian baharu yang lebih berbahaya dan mudah berjangkit, menyebabkan langkah-langkah pencegahan sebelum ini seperti kawalan pergerakan, kurang berkenaan dalam mengawal penularan.

Dr Tan berkata pemvaksinan ke atas seramai mungkin penduduk secepat mungkin merupakan kunci untuk Malaysia kembali kepada "kebiasaan dahulu", atau setidaknya tidaknya menikmati kebebasan yang kini dikekang oleh pandemik itu.

"Ini jelas ditunjukkan di United Kingdom. Sekalipun kes meningkat, jumlah mereka yang memerlukan rawatan di hospital, rawatan rapi dan bantuan pernafasan, akan berkurang," katanya.

**“ Kebanyakan (yang keberatan) merupakan mereka yang berada 'di atas pagar' ”**  
 Dr Rafdzah

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : MUKA DEPAN

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT



# JUAL VAKSIN HINGGA RM800 SATU DOS

SATU sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mendedahkan kepada *Sinar Harian* bahawa ada segelintir pihak tidak berintegriti menjual vaksin Covid-19 bermula dari RM200 sehingga RM800 untuk satu dos.

Lebih malang, kegiatan itu bukan berlaku di pasaran gelap sebaliknya terjadi di beberapa buah pusat pemberian vaksin (PPV) di sekitar Lembah Klang.

Antara taktik licik yang digunakan oleh sindiket tersebut adalah dengan menukar nama penerima di dalam sistem pendaftaran vaksin selain mengambil slot individu yang tidak dapat datang pada hari janji temu.

MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

PERKASAKAN  
SUARA  
MALAYSIA  
Sinar

VAKSIN UNTUK RAKYAT

Laporan HISYAMUDDIN AYUB dan  
MUHAMMAD AFHAM RAMLI

# Jual vaksin sampai RM800 satu dos

Sindiket, segelintir petugas sendiri dipercayai terlibat kes penjualan vaksin secara haram

SHAH ALAM

**P**erbuatan khianat menjual vaksin yang disediakan oleh kerajaan secara haram didakwa sememangnya berlaku di beberapa buah pusat pemberian vaksin (PPV) di sekitar Lembah Klang.

Satu sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan kepada *Sinar Harian* bahawa ada segelintir pihak tidak berintegriti menjual vaksin bermula dari RM200 sehingga RM800 untuk satu dos.

Menurut sumber, harga yang dikenakan adalah sangat tinggi, sedangkan kerajaan telah menyediakannya secara percuma kepada orang ramai.

"Semua ini dilakukan sebab tamak untuk buat duit tepi secara mudah.

"Apa yang difahamkan, ada kes-

ompok yang tidak bertanggungjawab ini sangat berani kerana mereka menjual secara *face to face* atau bersemuka secara terus," katanya kepada kru Rasuah Busters *Sinar Harian*.

Mengulas lanjut, sumber berkata, sindiket terancang itu menjual stok vaksin yang disediakan oleh KKM di beberapa PPV itu sendiri di sekitar Lembah Klang.

Sumber berkata, antara taktik licik yang digunakan oleh sindiket tersebut adalah dengan menukar nama penerima di dalam sistem pendaftaran sistem vaksin.

Selain itu kata sumber, permohonan vaksin diluluskan kepada mereka yang sanggup membayarnya walaupun dengan harga yang tinggi.

"Ada juga yang menjual vaksin ini dengan mengambil daripada slot *allocation* atau peruntukan kepada individu yang tidak dapat datang pada hari temujanji kerana mempunyai urusan," katanya.

Kata sumber lagi, kejadian penjualan vaksin secara haram mungkin berlaku di tempat tertentu dan melibatkan pihak yang berada di lokasi PPV.

Ditanya sama ada kes seumpama itu berjaya dikesan, sumber berkata, terdapat kes yang berjaya dihidu petugas lain atau pihaknya mendapat aduan daripada orang ramai.

Jelasnya, memang ada petugas dalam-an sendiri yang melakukan kes penjualan vaksin seperti mana yang dilaporkan pihak media.

"Namun kes seumpama ini semakin berkurangan sebab ramai yang 'kantoi' dan ia tidak berbaloi jika ditangkap. Ia sangat berisiko," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan



MEMENPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?

Kegiatan menjual vaksin secara haram didakwa berlaku apabila harga satu dos vaksin dijual antara RM200 hingga RM800. - Gambar hiasan

## Antara kronologi kes-kes picagari vaksin kosong

**7 Julai** - Seorang Individu membuat laporan polis mendakwa menerima suntikan vaksin jenis Pfizer 'kosong' ketika mendapatkan suntikan di Hospital Banting, Kuala Langat pada 6 Julai.

**13 Julai** - Polis menyiasat dakwaan penambahan 'luar biasa' slot janji temu vaksinasi Covid-19 di sebuah PPV di ibu negara.

Isu susulan laporan dibuat seorang petugas di PPV berkenaan mendakwa wujud lebih penerima vaksin tersenarai dalam aplikasi MySejahtera, berbanding jumlah vaksin diperuntukkan di lokasi terbabit.

**17 Julai** - Seorang penerima vaksin mendakwa, petugas di pusat vaksin di Kem Tentera Lapangan Terbang Sungai Petani tidak menekan bahagian atas picagari vaksin.

CITF telah mengambil tindakan tatatertib terhadap petugas terbabit.

**17 Julai** - CITF juga mengakui satu lagi insiden sama berlaku di Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia dan pengadu telah membuat laporan polis.

"Yang dia lakukan hanyalah masukkan jarum dan keluarkan tanpa menyuntik kandungan dalam picagari ke dalam badan saya," kata pengadu menerusi akaun Facebooknya.

sama ada jarum suntikan vaksin diterima kosong dan tidak diisi dengan vaksin atau petugas di PPV hanya menyuntik jarum tanpa menekan bahagian atas picagari.

Dalam pada itu, beberapa aktivis pertubuhan bukan kerajaan turut mengaitkan perbuatan menyuntik picagari kosong dengan aktiviti penjualan vaksin.

Malah, mereka meminta CITF membuat siasatan menyeluruh tentang kemungkinan terdapat lebih banyak kes yang sama berlaku tanpa disedari penerima vaksin.

Pemeriksa Fraud Bertauliah (ACFE)-Cawangan Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar berkata, isu berkaitan penjualan vaksin secara haram tidak sepatutnya berlaku kerana ia boleh menggugat kepercayaan rakyat kepada pihak berkuasa.

"Hal ini amat memerlukan pemantauan oleh ketua-ketua yang terlibat dan perlu ambil tindakan tegas yang mencemarkan nama baik kerajaan.

"Agihan vaksin perlu dibuat dengan adil dan semua berhak dapatkan sama rata," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, orang ramai juga disaran untuk melaporkan terus kepada pihak berkuasa sekiranya mengetahui ada kegiatan penjualan slot vaksin Covid-19.

Dalam pada itu, pada 12 Julai, Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Integriti dan Siasatan bagi menangani isu penjualan slot janji temu vaksinasi yang dilaporkan sebelum ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jawatankuasa itu turut dianggotai wakil daripada CITF, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Susulan itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, satu laporan polis diterima pihaknya dibuat oleh seorang petugas di PPV di Kuala Lumpur.

Sebelum ini turut tular beberapa video apabila ada individu yang mendakwa mereka menerima suntikan vaksin 'kosong' di pusat PPV.

Antara situasi yang dialami mereka



Seorang lelaki mendakwa menerima suntikan picagari kosong di sebuah PPV di ibu negara pada 17 Julai.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

## VAKSIN UNTUK RAKYAT

PERKASAKAN  
SINAR HARIAN  
MALAYSIA

# Jual slot temu janji satu penipuan

SPRM beri ruang polis jalankan siasatan, belum kesan unsur rasuah

SHAH ALAM

Isu penjualan slot janji temu vaksinasi Covid-19 dikelaskan sebagai satu bentuk penipuan dan tidak ada mempunyai unsur rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki berkata, setakat ini tiada laporan diterima pihaknya berkenaan isu terbabit.

"Setakat ini, tiada unsur rasuah dikesan di peringkat kami (SPRM) dan tidak ada lagi individu direkod keterangan.

"Saya kelaskan ia sebagai bentuk penipuan dan biar polis siasat terlebih dahulu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, isu itu telah diasas oleh pihak polis dan sekiranya ada unsur rasuah dikesan, kes tersebut kemudian akan dirujuk kepada SPRM.

Sementara itu, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Dr

Fadhullah Suhaimi Abdul Malek berkata, setakat ini siasatan dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Sekiranya dikesan terdapat unsur penggunaan digital, laporan itu akan diserahkan kepada kita (SKMM) dan kita akan bantu polis daripada segi teknikal," katanya.

Pada 12 Julai lalu Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menubuhkan

sebuah Jawatankuasa Integriti dan Siasatan dianggotai PDRM, SPRM dan SKMM bagi menangani isu penjualan slot janji temu vaksinasi yang dilaporkan sebelum ini.



AZAM BAKI



FADHULLAH SUHAIMI

MEDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
**APA TINDAKAN  
 KITA?**



Kegiatan menjual vaksin mencalar imej dan integriti petugas barisan hadapan di pusat vaksin. - Gambar hiasan

## Polis sahkan terima empat laporan isu vaksin

KUALA LUMPUR - Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman mengesahkan setakat ini, pihaknya sudah menerima empat laporan polis berkaitan isu vaksin Covid-19.

Pengarah Jabatan Siasatan Komersial Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, tiga daripada laporan polis tersebut adalah berkenaan dakwaan wujudnya aktiviti penipuan penjualan vaksin Covid-19 kepada orang awam.

"Satu lagi laporan polis adalah berkenaan isu penambahan jumlah penerima vaksin Covid-19 di salah sebuah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sehingga melebihi jumlah vaksin yang dibekalkan," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, seramai lapan individu telah ditahan bagi membantu siasatan yang dijalankan berkait kes-kes tersebut.

Beliau berkata, satu daripada siasatan kes tersebut telah selesai.

"Pihak Jabatan Peguam Negara memutuskan tiada pertuduhan dikenakan setelah siasatan mendapati tiada bukti. Baki tiga lagi kes masih dalam siasatan.

Dalam pada itu, JSJK turut mengesahkan menerima 38 laporan polis berkaitan kes sindiket memperdaya mangsa dengan menggunakan isu penjualan vaksin Covid-19 yang melibatkan kerugian berjumlah RM54,500.

"Mangsa akan dihubungi oleh sindiket yang menyamar sebagai kakitangan Kementerian Kesihatan dan memaklumkan bahawa mangsa akan dikenakan tindakan kerana didapati telah menjual vaksin Covid-19 dalam talian.

"Mangsa yang panik dengan dakwaan tersebut kemudiannya akan menuruti semua arahan yang diberikan sehingga akhirnya membuat bayaran ke dalam akaun sindiket," katanya.



MOHD KAMARUDIN

## Salah guna kuasa, jual slot vaksin untuk warga asing

SHAH ALAM - Penyalahgunaan kuasa dilihat faktor utama berlakunya kes penjualan vaksin secara haram di beberapa pusat pemberian vaksin (PPV) di negara ini.

Menurut sumber, punca penjualan vaksin secara haram itu kemungkinan besar daripada kelompok yang mempunyai akses terus kepada sistem yang boleh menyenaraikan nama sebagai penerima dos.

Sumber berkata, sebagai pengendali PPV yang turut bekerjasama dengan pihak penyedia venue untuk sesi vaksinasi, ada pihak telah mengambil kesempatan daripada kerjasama tersebut.

Jelas sumber, sebagai hos yang me-

nyediakan tempat untuk proses vaksinasi, kesempatan digunakan untuk meminta slot bagi diberikan kepada pihaknya setiap hari.

Kata sumber, permohonan slot yang diminta itu bukan sedikit, dengan alasan pihak mereka telah menyediakan kemudahan dan peruntukan makanan secara percuma di PPV.

"Sebagai pihak pengendali yang diberi kebenaran menguruskan PPV, kami mengesyaki ada pihak daripada penaja kemudahan telah mengambil kesempatan.

"Kelompok yang tidak bertanggungjawab ini telah menjual slot yang diberikan kepada mereka kepada orang ramai termasuk warga asing dari negara

jiiran dan Eropah. Jika tidak, bagaimana individu bukan warganegara Malaysia boleh datang ke PPV untuk divaksin?" katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah sumber, ada individu yang datang dengan perasaan marah apabila namanya dinyatakan tiada dalam senarai penerima vaksin, sedangkan individu terbabit mendakwa telah membuat pembayaran sebanyak RM50.

Dalam pada itu, hanya sejak seminggu lalu, kerajaan mengarahkan semua PPV di seluruh negara untuk menerima pekerja warga asing yang mempunyai pengesahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

Sebelum ini suntikan vaksin di PPV hanya untuk rakyat Malaysia.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

### KKM nafi beri kebenaran rentas negeri

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan kenyataan petikan video berdurasi 20 saat yang menunjukkan seolah-olah kerajaan memberi kebenaran rentas negeri dan daerah bagi mereka yang lengkap menerima dos vaksin seperti yang tular di media sosial.

KKM dalam kenyataan akhbarnya menjelaskan, petikan video tular yang dimaksud-

kan merupakan video siaran berita arus perdana bertarikh 1 April lepas berdurasi selama satu minit serta disunting dan disebarkan menerusi aplikasi WhatsApp untuk mengelirukan orang ramai.

Oleh itu, KKM menasihati masyarakat untuk sentiasa membuat semakan di media sosial rasminya untuk mendapatkan maklumat terkini yang sahih. - *Bermama*

### 'Benarkan orang ramai rakam gambar ketika terima vaksin'

**KUALA LUMPUR** - Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berharap orang ramai dibenarkan merakam gambar atau video ketika mereka menerima suntikan vaksin Covid-19.

Gesaan itu dibuat dipercayai susulan beberapa dakwaan berkaitan kandungan vaksin yang diberikan tidak cukup dos malah ada juga yang mendakwa disuntik dengan picagari kosong.

"Semua orang patut dibenarkan rakam gambar atau video waktu terima vaksin. Duit beli vaksin itu pun duit rakyat," kata Fahmi di laman

Facebooknya pada Khamis.

Fahmi yang juga Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR) menggesa individu yang menyuntik picagari kosong dihukum kerana mengkhianati negara.

"Orang yang jual slot vaksin juga adalah pengkhianat negara.

"Pengkhiatan negara dalam 'perang lawan Covid-19' mesti dihukum dan perkara itu mesti dibahas di Parlimen



FAHMI FADZIL

pada sidang 26 Julai ini," katanya

Media melaporkan kerajaan mengarahkan pegawai yang memberikan vaksin menunjukkan picagari kepada penerima sebelum dan selepas proses tersebut dijalankan.

Berkaitan suntikan kosong pula, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada Selasa dilaporkan berkata, pihak terkesan akan diberikan dos yang baharu.

### Remaja, calon SPM tidak diberi vaksin dalam masa terdekat

**SHAH ALAM** - Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) memaklumkan golongan remaja berusia 17 tahun hingga 12 tahun tidak diberi vaksinasi dalam masa terdekat.

CITF dalam satu kenyataan berkata, kerajaan juga bersetuju untuk tidak memberikan vaksin kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia.

Menurutnya, ia bagi mengelak risiko kes myocarditis dan pericarditis (radang jantung) selepas individu remaja mengambil dos kedua vaksin Covid-19 seperti kajian di Amerika Syarikat.

"Keutamaan ketika ini adalah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi melengkapkan fasa dua dan memantapkan pelaksanaan fasa tiga di seluruh negara.

"Bagi pelajar yang telah mencapai umur 18 tahun, contohnya calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan Sijil Tinggi Agama Malaysia termasuk yang akan memasuki usia 18 tahun pada tahun ini akan diberikan vaksinasi Covid-19 mengikut penjadualan dan janji temu yang telah ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT



VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Positif Covid-19 tambah 13,034 kes

13 individu berada dalam kategori lima, manakala 72 adalah kategori empat

Oleh TUAN BUQHAIHAR  
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sejumlah 13,034 kes baharu positif Covid-19 pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 13 kes merupakan kategori lima dan 72 adalah kategori empat.

"Pesakit kategori tiga yang mempunyai radang paru-paru adalah seramai 124, kategori dua (5,646) dan kategori satu (7,179)," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Menurut Dr Noor Hisham, data tersebut adalah berdasarkan keadaan klinikal pesakit semasa baharu didiagnosa Covid-19.

"Ada di antara mereka kekal dalam kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status sama ada bertambah baik atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, negeri Selangor kekal melaporkan kes tertinggi iaitu 6,049 diikuti Kuala Lumpur (1,611), Johor (791), Negeri Sembilan (711), Kedah (701), Sarawak (644), Sabah (479), Terengganu (391), Pulau Pinang (371), Melaka (353), Perak (284), Pahang (261), Kelantan (240), Putrajaya (100), Labuan (24) dan Perlis (enam). "Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif Covid-19 adalah 964,918," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 142,051 kes aktif di seluruh negara dan 938 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU). "Seramai 459 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Ujarnya, KKM merekodkan 134 kes kematian berkaitan



DR NOOR HISHAM

Covid-19 sekali gus menjadikan jumlah keseluruhannya, 7,574 kes.

Ia memabitkan 119 kematian rakyat tempatan dan 15 warga asing.

Dr Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu, terdapat 22 kes di mana jenazah dibawa ke

hospital (BID) manakala 112 menghembuskan nafas terakhir di hospital.

Tambahnya, Selangor melaporkan 39 kes kematian, Kuala Lumpur (32), Negeri Sembilan (18), Johor (15), Perak (tujuh), Melaka (tujuh), Pahang (lima) dan Kedah (empat).

"Pulau Pinang, Terengganu dan Labuan masing-masing dua kes kematian manakala satu di Sabah," katanya.

Sementara itu, katanya, sebanyak 8,436 kes sembuh turut dilaporkan.

"Jumlah keseluruhan kes sembuh adalah 815,293 atau bersamaan dengan 84.5 peratus," katanya.

## Aktiviti ziarah punca 14 individu positif Covid-19

**PUTRAJAYA** - Aktiviti ziarah ke rumah salah seorang ahli keluarga membawa padah apabila 14 individu disahkan dijangkiti Covid-19.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), rumah berkenaan terletak di Jalan Sri Putri 6/11, Taman Putri, Johor Bahru.

Kes indeks merupakan seorang lelaki tempatan berumur 29 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 15 Julai hasil saringan di tempat kerja.

KKM melabel kluster berkenaan sebagai Putri Fasa Enam dan seramai 35 individu telah menjalani ujian saringan.

Sementara itu, seorang kanak-kanak berusia empat tahun telah men-

cutuskan kluster komuniti di Johor sehingga menyebabkan 14 indivi-

du dijangkiti Covid-19.

Kanak-kanak itu merupakan kes indeks bagi Kluster Jalan Cenderai Sembilan dilapor positif pada 14 Julai selepas mula bergejala pada 10 Julai.

Nama kluster berkenaan merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Cenderai 9, Bandar Baru Kota Puteri, Johor Bahru.

Pada perkembangan sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 32 kluster baharu dilaporkan pada Khamis.

"Terdapat 20 daripadanya adalah kluster tempat kerja, tujuh kluster komuniti dan masing-masing dua kluster pendidikan swasta serta kumpulan berisiko tinggi," katanya.

Menurutnya, jumlah keseluruhan kluster yang telah dikenal pasti adalah 3,361.

Sebanyak 2,415 kluster telah diisytiharkan tamat, manakala 946 lagi masih aktif.


FOTO: BERNAMA



Keselamatan perlu diutamakan ketika aktiviti ziarah ahli keluarga diadakan. (Gambar hiasan)

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

#### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



**Kategori 1**  
Tanpa gejala

**Kategori 2**  
Gejala ringan

**Kategori 3**  
Jangkitan paru-paru


**Kategori 4**  
Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen

**Kategori 5**  
Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



#### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 22 Julai 2021

#### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
964,908	815,293	938	7,574	13,034	16,517,866

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

## 'Lindungi anak hilang tempat berteduh'

KKM diminta senaraikan anak kematian ketua keluarga untuk diberi bantuan

RAWANG

**K**ementerian Kesihatan (KKM) diminta menyenaraikan jumlah anak-anak yang kematian daripada bapa atau seorang daripadanya akibat virus Covid-19.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

berkata, perkara itu untuk memastikan anak-anak yang kehilangan tempat bergantung tidak terlepas daripada menerima bantuan daripada kerajaan.

"Saya telah minta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba untuk mendapatkan kes-kes yang melibatkan kematian kedua ibu bapa atau salah seorangnya (akibat dijangkiti virus Covid-19) yang menyebabkan berlaku kesusahan kepada anak-anak kerana punca pendapatan hilang.

"Selepas ini kalau ada lagi, kita akan bantu," katanya selepas menyantuni lapan beradik yang kehilangan kedua ibu bapa akibat Covid-19 di sini pada Khamis. Hadir Dr Adham dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Baru-baru ini, tular di media sosial mengenai kisah lapan ber-



Ismail Sabri (kanan) menyantuni Nazurah Nabilah dan adiknya, Nur Qurratu Ain Nabilah ketika menziarah lapan beradik tersebut yang kehilangan ibu bapa akibat Covid-19 di kediaman mereka di Bukit Beruntung, Rawang pada Khamis.

**MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

adik berumur lingkungan empat hingga 19 tahun yang menjadi yatim piatu sekelip mata selepas kedua ibu bapa mereka pergi

buat selama-lamanya dalam tempoh tiga hari akibat Covid-19.

Ketua keluarga lapan beradik itu, Benyajeed Bernie meninggal dunia pada 16 Julai, manakala isterinya Noraini Ibrahim meninggal dunia dua hari kemudian iaitu pada 18 Julai lalu.

Ismail Sabri berkata, beberapa pihak bertanggungjawab termasuk Lembaga Zakat Selangor dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberi bantuan kepada lapan beradik itu.

"Sewa rumah RM650 sebulan akan dibayar sepenuhnya oleh Lembaga Zakat Selangor.

"Begitu juga barang makanan dan kewangan *one-off* sebanyak RM650. JKM pula akan mem-

berikan RM950 sebulan kepada kesemua lapan beradik itu," katanya yang memberitahu Bantuan Khas Pengurusan Kematian Covid-19 Nadma yang merupakan bantuan *one-off* RM5,000 turut diberikan kepada waris si mati.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata, kementerian bersetuju untuk mengambil lapan beradik itu sebagai anak angkat kepada Boustead Holdings Berhad (Boustead) yang merupakan anak syarikat di bawah Kementerian Pertahanan.

Anak kedua (18 tahun) daripada lapan beradik itu yang bekerja di sebuah kilang turut ditawarkan pekerjaan di syarikat Boustead.

Sementara itu, Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, yang merupakan kakak sulung lapan beradik itu berasa lega dengan semua bantuan yang diberikan kerana ia meringankan beban mereka terutama dari segi meneruskan pendidikan. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 9  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

VAKSIN UNTUK RAKYAT

PERKASAKAN  
SUARA  
MALAYSIA

# Transit terakhir jenazah Covid-19

Petugas Jabatan Perubatan Forensik HSA galas amanah urus tetamu kaku mereka

JOHOR BAHRU

Jabatan Perubatan Forensik Hospital Sultanah Aminah (HSA) 'transit terakhir' mangsa Covid-19 menyimpan pelbagai kisah duka, namun bagi petugas kesihatan dan khas, apa yang mereka lakukan lebih kepada amanah serta tanggungjawab.

Berbeza dengan pengurusan jenazah biasa, pengurusan jenazah atau mayat korban Covid-19 perlu dilaksanakan petugas dengan teliti dan disegerakan pengebumian bagi yang beragama Islam ataupun diuruskan mengikut kepercayaan agama masing-masing bagi bukan Islam.

Menurut Penolong Pegawai Perubatan Jabatan Perubatan Forensik HSA, Mohd Afiq Ngah, meskipun setiap hari ada kes kematian akibat Covid-19, jenazah pesakit perlu diuruskan segera, selain mengelak risiko penularan virus berkenaan.

Sebaik menerima tugas yang diamanahkan, beliau yang juga ketua penyelia di jabatan berkenaan dan kesemua petugas lain perlu segera mempersiapkan diri termasuk dari segi fizikal serta mental kerana risiko terdedah virus itu membawa maut.

"Secara teori, semakin lama terdedah kepada punca jangkitan bermakna semakin tinggi kemungkinan untuk dijangkiti.

"Oleh itu, apabila cepat kita urus, semakin kurang tempoh pendedahan. Keduaanya, kita mempunyai tempat penyimpanan mayat yang terhad di jabatan ini dan perlu menyediakan ruang untuk kes kematian akan datang," katanya di Jabatan Perubatan Forensik HSA di sini.

Meskipun tiada kajian kukuh membuktikan perkara berkenaan, namun kesemua petugas perlu mematuhi tatacara pengendalian jenazah pesakit Covid-19 yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



Proses tayammum dilakukan pada jenazah Covid-19 beragama Islam oleh petugas khas pengurusan jenazah Covid-19 di Jabatan Perubatan Forensik HSA Johor Bahru baru-baru ini.



Petugas khas pengurusan jenazah Covid-19 melakukan solat jenazah di Jabatan Perubatan Forensik HSA Johor Bahru.

"Isu keberjangkitan dan kelangsungan hidup virus Covid-19 dalam tubuh badan yang tak bernyawa masih menjadi perdebatan di peringkat antarabangsa yang mana tiada kata putus mengenai keberolehan jangkitan dan kelangsungan hidup virus di dalam tubuh badan yang tak bernyawa.

"Sebaliknya, yang ada hanyalah berkenaan tempoh virus bertahan pada permukaan tertentu.

"Justeru, kita harus mengangap virus itu ada, masih menular dan kita kena utamakan nyawa serta keselamatan petugas barisan hadapan," katanya.



MOHD AFIQ

## Ikut peraturan

Bagaimanapun, Mohd Afiq, 31, yang bertugas di jabatan itu sejak Januari 2021, bersyukur kerana sepanjang tempoh pasukan itu memikul amanah menguruskan jenazah pesakit Covid-19, setakat ini belum ada dalam kalangan mereka

dijangkiti.

Katanya, setiap kakitangan apabila selesai menguruskan jenazah mangsa Covid-19, mereka akan membersihkan diri terlebih dahulu sebelum pulang ke rumah dan menukar semua pakaian agar "tidak membawa pulang" virus kepada keluarga terdekat.

"Walaupun kami (telah) divaksin, (kerisauan ada) mungkin kami (ada) tersilap sentuh sesuatu permukaan di mana-mana. Jadi rasa risau tetap ada kerana dalam kalangan kami, ada ahli keluarga yang belum lagi divaksin," katanya.

Bagi mengelakkan jangkitan Covid-19, semua kakitangan yang mengendalikan mayat perlu memakai pakaian perlindungan diri (PPE) yang lengkap mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KKM.

"PPE ini memberi perlindungan dengan membantu mencegah mikroorganisma daripada mencemarkan tangan, mata, rambut termasuk penyebaran kepada kakitangan lain.

"PPE tidak boleh dikongsi dengan orang lain dan yang paling penting, PPE perlu diasingkan sebagai sisa klinikal setelah dipakai apabila selesai menguruskan jenazah," katanya dengan menambah proses dekontaminasi atau disinfeksi peralatan seperti troli mayat turut dilakukan untuk mengurangkan risiko jangkitan.

## Momen menyayat hati

Paling menyayat hati bagi petugas di Jabatan Perubatan Forensik apabila tiba proses pengecaman mayat oleh waris kerana mereka tidak dibenarkan menyentuh atau mendekati jenazah selari dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan KKM.

"Kami tidak beri penetapan berapa lama untuk waris buat tatapan terakhir pada jenazah, bagaimanapun ia bergantung kepada budi bicara kami tetapi sebolehnya secepat yang mungkin mengikut jarak yang

MEP  
**MEMENPANI KRISIS  
 COVID-19:  
 APA TINDAKAN  
 KITA?**

ditetapkan iaitu antara satu dan dua meter sahaja daripada jenazah," katanya.

Menurut Mohd Afiq, bagi waris yang menjalani proses kuarantin wajib, proses pengecaman mayat hanya boleh dilakukan menerusi panggilan video.

"Untuk panggilan video ini, lazimnya kita akan membuka penutup beg *cadaver* atau *body bag* untuk waris membuat pengecaman dan selalunya keadaan inilah yang agak menyedihkan kerana kami boleh dengar suara tangisan ahli keluarga," katanya.

Justeru, beliau berkata, masyarakat perlu sedar dan ambil peduli bahawa pandemik Covid-19 bukanlah perkara yang dibuat-buat.

"Orang ramai perlu sedar bahawa apa yang lebih penting dilakukan pada tahap ini ialah menjaga diri sendiri, keluarga dan orang sekeliling daripada dijangkiti wabak Covid-19 berkenaan," katanya. - Bernama



Waris dibenar melihat dan mengambil gambar atau video buat kali terakhir jenazah Covid-19 bukan Islam sebelum dimasukkan ke dalam keranda.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Anak yatim Covid-19 akan dibela

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

**RAWANG:** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan nasib anak-anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa yang meninggal dunia akibat Covid-19 akan terbela.

Beliau berkata, apa yang berlaku kepada Nazurah Nabilah Benyajeed serta tujuh adik-beradiknya seharusnya menjadi petanda bahawa ada kemungkinan lebih ramai yang mengalami nasib yang lebih kurang sama.

Justeru, beliau sudah meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba supaya menyenaraikan secepat mungkin anak-anak yang tiba-tiba menjadi yatim piatu kerana kehilangan ibu bapa akibat Covid-19.

"Apa yang berlaku adalah salah satu insiden yang mungkin berlaku di banyak tempat, kita tak tahu. Jadi, saya dah berbincang dengan Dr. Adham supaya kita mendapat maklumat tentang kejadian yang sama mungkin berlaku.

